

25/06/2002

`Bapa benarkan keputusan parti melebihi keluarga'

Kadir Dikoh

KIRA-KIRA empat jam selepas mengumumkan hasrat untuk meletakkan jawatan dalam parti dan kerajaan petang Sabtu lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kelihatan amat penat dikatakan sudah masuk ke bilik tidur di tingkat atas kediamannya, di Seri Perdana di Putrajaya.

Anak sulungnya, Datin Paduka Marina, yang bergegas pulang dari Bangkok cuma tiba di Seri Perdana kira-kira jam 11 malam dan ketika itu bapanya dikatakan sudah nyenyak tidur.

Adik beradiknya yang lain, iaitu Mirzan dan Datuk Mokhzani, turut berada di situ manakala Mukhriz berada di Cuba atas urusan perniagaan.

Marina cuma berbual dengan ibunya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang ketika itu masih belum tidur, serta Mokhzani yang mengambil keputusan bermalam di situ bersama isterinya.

Sebelum itu, pada kira-kira jam 9.15 malam, mereka sekeluarga makan malam.

"Ketika itu, bapa saya memberitahu bahawa beliau membenarkan keputusan parti melebihi keputusan keluarga," kata Mokhzani tetapi menambah bahawa kompromi sudah dicapai dan menyerahkan kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno yang bermesyuarat petang ini untuk mengumumkan hasilnya.

Marina pula hanya sempat berbual seketika dengan bapanya di Seri Perdana pada pagi keesokan harinya sebelum Perdana Menteri pergi ke pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang dan berangkat pada kira-kira jam 10 pagi menuju Dubai dalam perjalanan ke Napoli, Itali.

"Kami bersetuju dengan sebarang tindakan diambil oleh bapa kami. Pertemuan di Seri Perdana malam itu bukanlah mesyuarat keluarga, cuma berkumpul saja, meskipun saya tiba lewat kerana menghadiri satu persidangan di Bangkok," kata Marina.

Hanya ahli keluarga dibenar memasuki kediaman Perdana Menteri pada malam itu dan arahan turut dikeluarkan supaya tidak membenarkan sesiapa masuk, termasuk di kalangan menteri Kabinet.

Bagaimanapun, semua anaknya tidak ikut serta dalam percutian selama sembilan harinya kali ini, sebelum kembali semula pada 3 Julai ini. Perdana Menteri dan isteri cuma diiringi pegawai pengiring dan tiga pengawal peribadi.

Selepas peristiwa menggemparkan petang Sabtu lalu, Mokhzani mengiringi bapanya, tetapi dalam kereta berasingan ke Putrajaya dari Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Pemandu peribadi Dr Mahathir selama 21 tahun, Syawal Agus, 51, berkata Perdana Menteri kelihatan tenang dan berbual seperti biasa sepanjang perjalanan selama kira-kira 30 minit ke Seri Perdana itu.

"Datuk Seri langsung tidak bercerita mengenai peristiwa yang baru dilalui itu dan beliau tidak lagi menangis. Begitu juga apabila saya memandu Datuk dengan Datin Seri ke pangkalan TUDM Subang pagi semalam (Ahad), keadaan adalah biasa saja," katanya.

Sementara itu, satu sumber yang rapat dengan Dr Mahathir memberitahu bahawa Perdana Menteri ada membayangkan untuk `bercuti secara total' selepas Perhimpunan Agung Umno kali ini ketika bercuti sambil bekerja di kepulauan Mediterranean baru-baru ini.

Katanya, itu adalah bayangan yang paling hampir diluahkannya. Ketika itu, Dr Mahathir bersama rombongan berada dalam bot yang belayar di sekitar Napoli dan kepulauan Capri, Itali selama dua hari dan cuma singgah di daratan untuk mengisi minyak.

Ketika itulah Dr Mahathir menulis sendiri ucapannya untuk disampaikan pada Perhimpunan Agung Umno kali ini. Kadang-kala beliau menulis atas dek atau dalam kabin kapal itu. Jiwanya ketika itu mungkin tenang dan tidak kedengaran langsung beliau bercakap mengenai politik.

Sebaliknya, Dr Mahathir kerap kali menyebut mengenai kepulauan Capri yang pemandangan sekitarnya begitu menarik dan jika boleh, beliau mahu Langkawi dibuat sebegitu rupa.

Perdana Menteri pulang ke tanah air selepas bercuti sambil melawat ke Vatican City, Switzerland dan Luxembourg pada 14 Jun lalu. Dua hari kemudian, iaitu hari Ahad, 16 Jun, beliau seperti biasa kembali menunggang kuda - sukan lasak yang paling digemarinya.

Pada jam 7 pagi lagi, beliau keluar dari rumahnya di Putrajaya untuk menunggang kuda di Wetland yang berdekatan bersama beberapa rakan dan menjadi kebiasaannya untuk terus bersarapan di situ sebelum balik ke rumah.

Malah, memang menjadi satu kewajibannya pula untuk keluar semula dari rumah menjelang jam 5 petang dengan memandu sendiri keretanya sambil diiringi beberapa pengawal.

Pada petang 16 Jun lalu, misalnya, Dr Mahathir sekali lagi mengunjungi tempat kegemarannya, iaitu KLCC, dan singgah di pasar raya Isetan di pusat beli-belah terkemuka itu.

"Di pasar raya itu, beliau membeli roti kegemarannya, iaitu ban kismis, buah seperti ceri, ciku, rambutan dan longan. Seperti biasa, Dr Mahathir tidak terlepas daripada orang ramai yang berpusu-pusu bergambar atau mendapatkan tanda tangannya," kata mereka yang melihat peristiwa di KLCC petang itu.

Bagi pengawal peribadi Perdana Menteri, mereka tidak menghalang orang ramai mendekati Dr Mahathir seperti untuk bersalam atau bergambar, termasuk di kalangan rakyat asing. Yang mereka kluatir ialah orang gila yang mendekati Presiden Umno itu.

Bagi mereka yang mengenali Dr Mahathir dengan lebih dekat, beliau sebenarnya suka makan makanan berat pada hari Ahad seperti nasi lemak atau roti canai pada sebelah pagi manakala roti kosong saja pada hari biasa.

Dari segi makanan, Dr Mahathir, menurut mereka yang rapat dengannya, tidak cerewet. Beliau cuma makan sekeping roti bakar pada waktu pagi sebelum ke pejabat. Ketika makan tengah hari, kadangkala nasi sepinggan pun tidak habis. Hidangan lauk daripada pelbagai jenis, cuma dijamah sedikit sana, sedikit sini, sudah cukup baginya.

Mungkin itu rahsia Perdana Menteri kelihatan jauh lebih muda daripada usia sebenar. Malah, pada usia 76 tahun, beliau masih cergas dan mempunyai stamina kuat walaupun kadangkala menghadiri majlis rasmi dari pagi hingga tengah malam. Beliau mampu melawat dua negeri dalam satu hari.

Pada hari bekerja, sudah menjadi kemestian baginya untuk pulang makan tengah hari di rumah jika tiada acara di luar pejabat. Jika beliau hendak makan sesuatu untuk menu tengah hari itu, pagi lagi sudah memesan jenis lauk kegemarannya seperti masakan udang, ayam, laksa, steak atau chicken chop menerusi Dr Siti Hasmah.

"Kalau beliau tak membuat sebarang pesanan pada sebelah pagi itu, bermakna tukang masak di rumah akan cuma menyediakan nasi dan lauk seperti biasa, iaitu daging, makanan laut dan sayur. Tapi beliau tidak makan lama dan selepas itu pergi semula ke pejabat," kata orang yang rapat dengannya.

Apa pula yang dilakukan oleh Dr Mahathir sebaik masuk pejabat pada awal pagi? Pertama ialah membaca surat khabar kegemarannya, iaitu New Straits Times, untuk kira-kira 30 minit sebelum memulakan tugas. Akhbar lain hanya dibacanya pada sebelah petang dengan membawa pulang naskhah itu dalam kereta.

Sememangnya Dr Mahathir adalah seorang yang rajin bekerja dan ketika

cuti umum, beliau lebih suka berjalan dengan memandu sendiri keretanya sama ada ke Genting Highlands, melihat projek sekitar Putrajaya atau Cyberjaya.

Dr Mahathir pernah singgah di restoran makanan segera yang terletak sebelum tol Sungai Besi dan membeli sendiri burger sehingga pelayan restoran itu terkejut.

Pernah pada suatu Ahad, Dr Mahathir yang memandu sendiri keretanya, secara sopan `memarahi' seorang pekerja di tol lebuhraya kerana gadis itu yang agak terkejut melihat Perdana Menteri dalam kereta, enggan menerima wang tol yang dihulur oleh pemimpin negara itu.

"Mengapa saya tak boleh bayar tol sedangkan saya pengguna lebuhraya? Ambil ini (duit)," kata Dr Mahathir sebelum meneruskan perjalanan bersiar-siar pada hujung minggu.

Beliau memang dikenali amat gemar bersiar-siar pada Ahad atau cuti umum. "Seboleh-bolehnya, beliau tidak mahu ada acara rasmi pada hari itu," kata sumber yang rapat dengannya.

Itulah Dr Mahathir, pemimpin yang mengetepikan protokol apabila tidak menghadiri sebarang acara rasmi. Beliau memang dikenali membawa bersama buku nota kecil ke mana saja dan akan mencatat apa yang dilihatnya sebagai tidak betul. Kemudian beliau akan memberitahu menteri yang bertanggungjawab ketika mesyuarat Kabinet.

"Setiap orang daripada kami (menteri) akan berasa gusar apabila Perdana Menteri mula mengeluarkan nota kecil itu daripada poketnya... mesti ada yang tidak kena," kata seorang menteri Kabinet.

Ada satu perkara yang beliau tidak gemar, iaitu bunyi siren kereta peronda polis yang mengiringinya ke acara tertentu apabila ia dibunyikan di lokasi kurang tepat, seperti melalui jalan kampung yang boleh mengejutkan orang ramai.

Anggota polis yang biasa mengiringinya amat arif dengan perkara ini. Dr Mahathir akan membuat komen "ada orang baru ke?" apabila siren itu dibunyikan di tempat yang pada pandangannya, tidak kena.

Kepada kakitangannya sendiri, Dr Mahathir dikatakan tidak pernah atau jarang sekali memarahi mereka.

"Perdana Menteri lebih suka kita berterus terang. Kalau silap, beliau tak marah. Sebaliknya, Perdana Menteri akan menasihati lain kali jangan buat lagi," kata seorang daripada mereka.

Malah, beliau tidak mahu mendengar jawapan "tidak boleh" apabila menyuruh orang membuat sesuatu. "Beliau akan tanya balik, sudah cuba atau belum? Cuba dulu baru boleh kata tidak. Itulah cara Dr Mahathir," kata satu lagi sumber.

(END)